

[Home](#)

PLUS SASAR PERKENAL PEMBAYARAN TERBUKA DI JAMBATAN PULAU PINANG DAN BKE SEPTEMBER INI



PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menyambut baik kenyataan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Seri Alexander Nanta Linggi baru-baru ini berhubung pelaksanaan pembayaran tol secara terbuka menggunakan kad debit atau kad kredit di beberapa buah lebuh raya termasuk Jambatan Pulau Pinang.



Ketua Pegawai Operasi PLUS, Datuk Zakaria Ahmad Zabidi berkata, "PLUS akan bekerjasama dengan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dalam merealisasikan matlamat ini menjelang September yang akan datang. Malah, kami juga sedang giat membuat persiapan untuk mengadakan ujian pembayaran tol secara terbuka menggunakan kad debit dan kad kredit di Lorong RFID selain daripada e-wallet Touch 'n Go di Jambatan Pulau Pinang. Manakala di Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE) pula, persediaan sedang dibuat untuk menguji sistem pembayaran terbuka menggunakan kad kredit atau debit di Plaza Tol Kubang Semang."

Menurutnya, pelaksanaan pembayaran terbuka menggunakan kad debit atau kad kredit dijangka memberikan lebih pilihan kepada pengguna lebuh raya apabila ia dilaksanakan kelak.

"Pihak PLUS sentiasa bersedia meneroka dan menguji kaedah-kaedah pembayaran tol yang lebih mudah dan memberi lebih keselesaan kepada pengguna lebuh raya," tambah beliau.

